

<https://journal.unisza.edu.my/mjis>

**ANALISIS PENELITIAN TERHADAP METODE PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN TARANNUM USTAZ HAJI CHE YAHAYA BIN DAUD**

**[OBSERVATIONAL ANALYSIS OF TARANNUM TEACHING AND LEARNING
METHODS OF USTAZ HAJI CHE YAHAYA BIN DAUD]**

¹ AHMAD JUNAIDI CHE ARIFFIN¹, AMRINA RASYADA KAMARUZAMAN¹,
MUKHLIS MUSTAFFA¹ & WAN HILMI WAN ABDULLAH²

¹ Jabatan al-Quran dan Hadis, Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Kolej Universiti Islam
Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), 16070 Kota Bharu, Kelantan, MALAYSIA

² Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan
Malaysia (UKM), 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA

*Corresponding Author: padi_ahmad@yahoo.com

Received Date: 10 November 2023 • Accepted Date: 18 December 2023

Abstrak

Ustaz Haji Che Yahaya bin Daud adalah qari yang pernah mendapat Johan Qari Tilawah Al-Quran peringkat Antarabangsa pada tahun 1999. Beliau juga telah melahirkan ramai qari dan qariah yang berkemahiran dalam tarannum. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menjelaskan latar belakang serta metodologi pengajaran dan pembelajaran yang dipraktikkan oleh Tuan Haji Yahaya Daud terhadap seni tarannum. Kajian lapangan ini dijalankan dengan yang memperoleh data daripada hasil temubual dan pemerhatian terhadap proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di antara guru dengan murid. Hasil kajian mendapati metodologi pengajaran dan pelajaran yang digunakan oleh beliau telah memberi kesan yang besar terhadap perkembangan tarannum al-Quran di Malaysia secara khasnya dan umumnya seluruh dunia. Metode pengajaran dan pembelajaran yang aplikasikan telah memberi panduan kepada setiap qari dan qariah dalam menghasilkan satu bacaan yang terbaik, menarik, lengkap dan menyeluruh.

Keywords: Haji Yahaya bin Daud, Qari, Qariah, Tarannum

Abstract

Ustaz Haji Che Yahaya bin Daud is a well-known qari had once encountered Champion on Competition Tilawah Al-Quran level International in 1999. Additionally, he had already begun to soften the harsh words and harsh phrases that were said in the tarannum. To be precise, the

purpose of this study is to clarify the blind spots as well as the teaching and learning methodologies used by Tuan Haji Yahaya Daud regarding senior high school students. This study is conducted by analyzing data from observational studies and research on the process of teaching and learning that takes place between teachers and students. The research findings pertaining to the teaching and learning methodologies employed by the author have provided significant insight into the evolution of the Quran in Malaysian society, both in terms of Islam and generally in the world. The applied teaching and learning methodologies have provided guidance to each student in achieving a single, high-quality, comprehensive, and well-rounded learning outcome.

Kata Kunci: Haji Yahaya bin Daud, Qari, Qariah, Tarannum

Cite as: Ahmad Junaidi Che Ariffin, Amrina Rasyada Kamaruzaman, Mukhlis Mustaffa & Wan Hilmi Wan Abdullah. 2021. Analisis Penelitian Terhadap Metode Pengajaran dan Pembelajaran Tarannum Ustaz Haji Che Yahaya bin Daud [Observational Analysis of Tarannum Teaching and Learning Methods of Ustaz Haji Che Yahaya bin Daud]. *Malaysian Journal For Islamic Studies* 5(1): 41-50.

PENGENALAN

Malaysia terkenal dengan tokoh-tokoh qari di Nusantara dan seluruh dunia. Keupayaan tokoh-tokoh ini untuk mengembangkan dan menyebarkan pengetahuan telah memberi kesan positif kepada bidang al-Quran, terutamanya bidang seni tarannum. Kedudukan mereka dalam bidang tarannum tidak lagi dipertikaikan. Pengaruh positif ini telah tersebar ke seluruh Malaysia dan Nusantara, dan ia mempunyai kesan yang besar terhadap peningkatan bacaan al-Quran. Menurut Mohd Ali Abu Bakar, tarannum al-Quran ialah satu ilmu tentang olahan suara iaitu hasil gabungan tentang teori serta praktikal dalam pembacaan al-Quran secara berlagu. Pembacaan secara berlagu adalah hasil daripada suara. Suara diproses oleh udara yang keluar dari paru-paru melalui selaput suara ke rongga mulut atau hidung kemudian ditentukan oleh alat untuk menentukan bunyinya (Mukhlis Mustaffa, 2022).

Pengajian tarannum juga semakin mendapat sambutan dalam kalangan ibu bapa serta anak-anak. Setiap individu yang melantunkan bacaan al-Quran dengan merdu akan cenderung untuk mendalami ilmu tarannum dan mengembangkan lagi bakat demi mengindahkan bacaan al-Quran. Hal ini kerana menjadi tuntutan baginda rasul supaya membaca al-Quran dengan sebaik-baik bacaan dan sebaik-baik suara. Sebagaimana dalam satu hadis Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “Bukanlah dari golongan kami mereka yang tidak menggunakan suara yang cantik dan merdu berlagu membaca al-Quran; menyaringkan bacaan al-Quran” [Sahih Bukhari, No.hadis : 7089]

Tuntutan untuk mengindahkan bacaan serta membaca dengan sebaik-baik suara kerana al-Quran merupakan satu kitab suci umat Islam. Kitab suci ini merupakan wahyu yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan malaikat Jibrail. Oleh itu menjadi satu seruan buat umat baginda agar sentiasa melantunkan bacaan dengan seindah suara yang dimiliki kerana membacanya dinilai ibadah di sisi Allah SWT.

Justeru kajian ini dilihat mempunyai kaitan yang rapat dengan hadis ini. Satu metodologi yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran tarannum oleh Ustaz Haji Che Yahaya bin Daud menjadi satu perkara yang perlu dikaji dengan teliti. Hal ini kerana beliau

bukan hanya Qari di peringkat antarabangsa, namun beliau juga menjadi guru tarannum kepada para qari dan qariah sehingga turut memenangi dalam *musabaqah* tilawah al-Quran (pertandingan) dan yang diceburi. Sosok tubuh beliau menjadi idola buat para qari dan qariah dalam mendalami ilmu tarannum.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan secara dengan memperoleh data secara temubual dan pemerhatian terhadap proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di antara guru iaitu Ustaz Haji Che Yahaya bin Daud dengan murid-muridnya. Temubual dijalankan sebanyak empat orang iaitu Ustaz Haji Che Yahaya Daud serta murid-muridnya iaitu Ustaz Amirahman Abas, Ustaz Mohamad Raffe bin Ghalil Abbas dan Dr. Mahyudin Daud. Pemerhatian pula dilakukan ketika proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung oleh Ustaz Haji Che Yahaya bin Daud.

LATAR BELAKANG

Ustaz Haji Che Yahaya bin Daud dilahirkan pada 26 Februari 1963 di kampung Kajang Sebidang, Tumpat, Kelantan. Beliau merupakan anak kedua daripada lima beradik. Ustaz Haji Che Yahaya bin Daud belajar al-Quran daripada bapanya pada peringkat awal. Semasa beliau menetap di kampung Beris Kubor Besar Bachok, Kelantan, beliau pernah berkhidmat sebagai guru di Maahad Amir Indera Petra dan kemudian menjadi Pegawai Penyelaras Tahfiz di Yayasan Islam Kelantan (YIK).

Pendidikan awal Ustaz Haji Che Yahaya bin Daud bermula pada tahun 1970 di Sekolah Kebangsaan Bendang Pak Yung, yang terletak berhampiran bandar Pengkalan Kubur di Tumpat Kelantan, dan diteruskan sehingga tamat darjah enam. Beliau kemudiannya menyambung pengajian ke Sekolah Menengah Agama Nurul Huda Tumpat pada tahun 1977. Pada tahun 1979, dia menamatkan sekolah dengan memperoleh Sijil Rendah Pelajaran. Selepas itu, dia belajar di Mahaad Muhammadi Lelaki Kota Bharu dari tahun 1980 hingga 1983. Beliau bermula di tingkatan empat di Mahaad tersebut dan tamat di tingkatan enam atas. Beliau kemudiannya meneruskan pendidikannya di Maktab Perguruan Kota Bharu dengan mengikuti Kursus Perguruan Dalam Cuti (KDC) untuk memperoleh kelayakan untuk menjadi seorang guru. Setelah selesai KDC, dia berkhidmat di Mahaad Muhammadi Lelaki, Kota Bharu, Kelantan.

Ustaz Haji Che Yahaya Daud seorang yang gigih berusaha dalam mengikuti kelas-kelas pengajian tarannum al-Quran secara terbuka walaupun di mana sahaja yang diadakan di seluruh daerah di Negeri Kelantan. Kelas-kelas ini biasanya dikendalikan oleh para guru al-Quran yang bergerak dari masjid ke masjid terutamanya di daerah Kota Bharu. Akhirnya, kelas tarannum secara terbuka ini telah di tempatkan di Masjid Telipot, Kota Bharu. Di masjid, pengajian tarannum bebas tanpa mengira harakat dan para peserta tidak terikat dengan mana-mana halaqah.

Beliau juga sering mengikuti kelas tarannum pada waktu malam dengan mantan qari Musabaqah al-Quran seperti Haji Abdullah Hijazi di Kampung Sireh, Kota Bharu. Selain itu, beliau juga mengikuti kelas secara individu dengan Haji Ahmad bin Matsom (Pergau) dan Haji

Hassan bin Musa, iaitu juara tilawah al-Quran peringkat Antarabangsa, yang diadakan setiap malam Ahad di Masjid Pengkalan Chepa, Kota Bharu. Bermula tahun 1985 hingga 1999, beliau telah meningkatkan usaha dalam pengajian tarannum dengan mengikuti kursus "secara bergerak" di Balai Islam, Kota Bharu. Beliau telah belajar dengan ramai guru al-Quran selama empat belas tahun, dari 1985 hingga 1999. Di antara guru tarannum dan tajwid yang pernah mengajar Ustaz Haji Che Yahaya bin Daud di Balai Islam Kota Bharu ialah Haji Abdul Rahman bin Husin dan Haji Razali bin Hasbullah (guru tarannum) serta Haji Ismail bin Yusuf (guru tajwid).

Dalam bidang kerjaya, Ustaz Haji Che Yahaya bin Daud lebih tertumpu kepada pengajaran dan pembelajaran al-Quran. Beliau pernah berkhidmat di Maahad Muhammadi Lelaki, Kota Bharu dan Maahad Amir Indera Petra, Beris Kubur Besar, Bachok Kelantan. Beliau kini memegang jawatan Pegawai Penyelaras Tahfiz al-Quran di Yayasan Islam Kelantan. Sepanjang tahun 2007, 2008 dan 2009, beliau juga telah dilantik sebagai tenaga pengajar bagi kursus Sijil Tinggi Tarannum yang dikelolakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Selain itu, beliau telah dilantik sebagai pengajar khas untuk qari-qari di Kementerian Pelajaran Malaysia bermula tahun 2018 hingga 2019. Pada tahun yang sama juga beliau dilantik sebagai tenaga pengajar *tahsin* qari dan qariah di negeri Perak, Terengganu, Melaka, Johor, dan Kuala Lumpur dari 2007. Beliau dilantik sebagai tenaga pengajar di Akademi al-Quran di Bandar Satelit, Pasir Tumbuh pada tahun 2018. Selain itu, Ustaz Haji Che Yahaya bin Daud telah berkhidmat sebagai Hakim Tilawah al-Quran Negeri Kelantan dan tenaga pengajar bagi kursus *tahsin* dan tarannum al-Quran diadakan di Balai Islam Kota Bharu, Kelantan sejak tahun 2000 hingga sekarang.

SEJARAH PENGLIBATAN, SUMBANGAN DAN PENGIKTIRAFAN

Sejak kecil, beliau telah diajar membaca al-Quran secara bertajwid dan bertarannum oleh bapanya. Beliau bukan sahaja berguru dengan bapanya, tetapi juga berguru dengan guru-guru al-Quran terkenal, terutamanya di negeri Kelantan. Bakat beliau terserlah kerana sentiasa mewakili sekolah ketika darjah tiga lagi. Bermula dari situ, pencapaian beliau dalam bidang tarannum dan bacaan al-Quran terus berkembang, dan akhirnya beliau berjaya mendapat tempat ketiga peringkat negeri selama tiga tahun berturut-turut pada tahun 1970, 1971, dan 1972.

Haji Hassan bin Che Musa, Dato' Haji Nik Jaafar bin Isma'il, dan Dato' Hajah Faridah binti Mat Saman merupakan guru al-Quran yang pernah beliau lazimi dalam mempelajari serta mendalami ilmu tarannum. Beliau telah dipilih oleh Kerajaan Negeri Kelantan untuk mengikuti kursus tarannum al-Quran khas pada tahun 1977 semasa berumur 14 tahun. Beliau juga salah seorang pelajar yang terpilih dan yang paling muda. Kursus ini diadakan di Madrasah Mahaad Muhammadi Lelaki, Kota Bharu, Kelantan.

Kemudian, beliau telah mengambil inisiatif dengan menganjurkan kelas tarannum di rumahnya sendiri. Matlamat beliau adalah untuk meningkatkan pengetahuan al-Quran dalam kalangan masyarakat setempat serta menyebarkan ilmu itu kepada pencinta tarannum dan orang Islam di Malaysia. Selain itu, beliau juga pernah diundang sebagai qari jemputan di Muktamar Haji peringkat antarabangsa dan persidangan Menteri Luar OIC pada tahun 2000 dan 2003. Selain itu, beliau kerap diundang untuk mengajar tarannum bukan hanya di Kelantan, tetapi termasuk semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Beliau telah dinobatkan sebagai Johan Tilawah al-Quran Negeri Kelantan pada tahun 1999, dia telah mewakili Kelantan dalam tilawah al-Quran di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Keterlibatan serta kejayaan beliau ini telah mendapat perhatian Kerajaan Negeri Kelantan kerana telah mengharumkan nama negeri Serambi Mekah. Pada tahun 2000, beliau telah menerima Anugerah Bintang Kebesaran oleh Kerajaan Negeri Kelantan, bersama-sama dengan Anugerah Ahli Kelantan (A.K) sempena Hari Keputeraan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Al Sultan Kelantan.

DAPATAN KAJIAN MENGENAI METODE PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TARANNUM

Metode pengajaran dan pembelajaran tarannum yang digunakan Haji Yahaya bin Daud adalah unik, terutamanya dalam mengatur serta menyusun kaedah bacaan secara *bertarannum* dengan keterbukaan *uslubnya*. Metode yang tidak terhad kepada satu *uslub* sahaja lebih memudahkan untuk qari dan qariah mempelajari ilmu tarannum dalam tempoh masa yang ditetapkan. Menurut Amirahman bin Abbas, salah seorang murid Ustaz Haji Che Yahaya bin Daud, seni bacaan Ustaz Haji Che Yahaya bin Daud adalah unik dan sangat berbeza daripada qari-qari lain di Malaysia. Dalam mengajar tarannum, beliau terus menggunakan kaedah *talaqqi* dan *musyafahah*, memberi muridnya contoh bacaan supaya mudah difahami. Contoh bacaan dipelbagaikan dari segi gaya dan versi untuk memenuhi kebolehan pelajar yang pelbagai. Selain itu, Amirahman mengatakan:

“Cara Ustaz Haji Che Yahaya bin Daud bertarannum menyerupai gaya bacaan Arab Mesir. Beliau banyak bertaklid dengan Syeikh Taha al-Fashni, Syeikh Syahat Anwar dan Syeikh Mustafa Isma'il. Oleh itu, cara beliau bertarannum itu menyerupai seni tilawah Arab Mesir, atau qari-qari Mesir yang muktabar. Beliau melakukannya dengan pelbagai cara. Beliau mempunyai suara gerak *urab* asli yang sangat rapat dan kecil, dan dia membacanya mengikut *uslub* qiraah atau jalan bacaan yang sesuai. Untuk menyesuaikan diri dengan suaranya yang sangat berbeza daripada qari-qari lain, beliau menggunakan kaedah bacaan ini. Suara gerak *urab* asli sangat kecil dan rapat. Lebih mudah baginya untuk menggabungkan banyak alunan gerak suara dalam satu lagu dengan menggunakan model seni tilawah ala Misr.


Dalam temu bual dengan muridnya yang kedua, Mohamad Raffe bin Ghalil Abbas, seorang qari yang berkembang pesat di Malaysia, beliau mengatakan;

“*Uslub* bacaan Haji Yahaya Daud penuh dengan kesenian dan kelembutan, setanding dengan bacaan para qari Mesir muktabar. Selain itu, beliau menyatakan bahawa beberapa kaedah yang paling kerap digunakannya untuk mengajar ialah *talaqqi* dan *musyafahah* (berkumpulan dan individu), *al-tikrar* (pengulangan), *tadriji* (beransur-ansur), dan sebagainya. Bagi mereka yang telah mempelajari Tarannum al-Quran, pengajarannya mudah difahami dan mudah diikuti. Bacaan Haji Yahaya Daud sangat kreatif dengan *lahjah* dan suara

kearaban yang indah, dan ia setanding dengan bacaan para qari Mesir”.


Semasa temu bual ketiga bersama Mahyudin Daud, dia menyatakan bahawa bacaan al-Quran Ustaz Haji Che Yahaya bin Daud secara bertarannum yang betul adalah unik dan berbeza. Hal ini kerana bacaan Ustaz Haji Che Yahaya bin Daud hampir sama dengan bacaan qari Arab, terutamanya dari Mesir. Salah satu keistimewaan bacaan beliau ialah mengikuti gaya *turuq* yang digunakan oleh Syeikh Mustafa Isma'il, yang menggunakan bunga-bunga suara (*urab*) yang halus dan cepat.

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran, pengkaji melihat kaedah beliau meneruskan tradisi pengajian tarannum secara *bertalaqqi* dan *musyafahah* seperti yang dilakukan oleh guru-guru al-Quran sebelumnya. Bacaan daripada mulut ke mulut, interaksi dengan guru yang mahir adalah unik dalam pembelajaran tarannum ini. Pembelajaran tarannum al-Quran di Malaysia bermula dengan rangkap lagu yang sudah siap dengan contoh harakat-harakat lagunya. Walaubagaimanapun, semasa beliau mengajar dan diajar, beliau tidak mengikat pembacaan dengan harakat-harakat tersebut. Ini menunjukkan bahawa beliau tidak terikat dengan harakat dalam pembacaannya. Sebaliknya, beliau menggunakan teknik berhenti (lagu) dan menyambung kembali (sesuai dengan lagu dan tali suara). Ini adalah salah satu ciri pembelajaran Ustaz Haji Che Yahaya bin Daud, serta cara beliau mengajar bacaan al-Quran secara berlagu. Ilmu-ilmu yang diterima dari para qari ini beliau gunakan untuk dirinya sendiri dan mengajar kembali kepada murid-muridnya. Menurut Wan Hilmi Wan Abdullah (2010), terdapat beberapa teknik-teknik pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh beliau kepada murid-muridnya iaitu:



Rajah 1: Teknik-teknik Pengajaran dan Pembelajaran oleh Ustaz Haji Che Yahaya bin Daud

Seterusnya Ustaz Haji Che Yahaya bin Daud juga melazimi kaedah utama dalam pengajaran dan pembelajaran iaitu;



Rajah 2: 6 Kriteria Utama dalam Pengajaran dan Pembelajaran Tarannum

Semasa sesi pengajaran dan pembelajaran tarannum Ustaz Haji Che Yahaya bin Daud dan murid-muridnya, pengkaji mendapati beliau membahagikan kepada dua sesi iaitu pengajaran dan pembelajaran secara individu dan berkumpulan. Pembahagian ini dilakukan bagi memudahkan beliau mengajar ilmu tarannum agar sesuai dengan tahap murid-muridnya. Hal ini kerana dalam kalangan murid-muridnya pula terdiri daripada mereka yang sudah mempunyai asas tarannum dan juga tidak memiliki asas tarannum. Berikut adalah kaedah pengajaran yang berlaku secara individu dan berkumpulan yang dipraktikkan oleh Ustaz Haji Che Yahaya bin Daud:

Bil	Individu	Berkumpulan
1	Diperkenalkan lagu, harakat dan bentuk alunan mengikut kemampuan dan kesesuaian murid sambil mengekalkan identiti asal bagi murid yang telah ada asas tarannum	Penekanan dalam mengenal suara jika murid belum ada asas tarannum
2	Tutorial dan latihan menggunakan pendekatan ulangan dan berterusan dalam mengenal potensi murid	Mengutamakan cara mengeluarkan suara untuk menyebut huruf dan kalimah
3	Menggambarkan jenis alunan yang sesuai dengan kebolehan	Memilih lorong suara dan <i>tabaqah</i> yang betul untuk memulakan bacaan
4	memperkenalkan asas vokal suara, termasuk lorong, <i>tabaqah</i> , tali suara dan penyusunannya	Metode latih tubi untuk membantu pelajar baharu membaca dengan baik
5	Perkenalkan secara berperingkat mengenai asas tarannum bagi semua jenis lagu	Bimbingan dalam bentuk gerak suara dalam satu ayat dalam harakat
6	Penggunaan suara semasa tarannum untuk memastikan murid memahami dengan betul	(<i>mahatah</i> gerak lagu dalam satu ayat)

Seterusnya adalah pengkaji mendapati kaedah yang dijalankan oleh Ustaz Haji Che Yahaya bin Daud ini terdapat faedah yang tersendiri. Hal ini sering menjadi perhatian murid untuk belajar dan mendalami ilmu tarannum bersama Ustaz Haji Che Yahaya bin Daud. Pengkaji juga mendapati bilangan murid-murid yang ingin belajar bersama Ustaz Haji Che Yahaya bin Daud semakin hari semakin bertambah. Terdapat juga murid-muridnya yang datang pelbagai negeri. Mereka bermusafir semata-mata ingin berguru secara talaqqi dan musyafahah bersama Ustaz Haji Che Yahaya bin Daud. Apabila pengkaji meneliti kandungan yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran tarannum oleh Ustaz Haji Che Yahaya bin Daud, pengkaji mendapati kaedah dan faedahnya seperti berikut:

Bil	Perkara	Kaedah Pengajaran	Faedah
1	Pengenalan <i>tabaqah</i> suara	Memberikan contoh murid bacaan kepada murid, kemudian murid mendengar dan mengikut bacaan tersebut. Guru mula mendengar dan memperbetulkan bacaan yang salah.	Murid-murid boleh mengenal pasti suara masing-masing. Murid boleh baca ayat ikut irama dan <i>tabaqah</i> suara yang betul
2	Pengenalan lorong suara	Bermula pada lafaz <i>isti'azah</i> dan <i>basmalah</i> dengan memastikan murid-murid menggunakan lorong dan corong suara yang betul. Ketepatan lorong suara adalah mengikut potensi dan kemampuan murid.	Murid boleh mencuba dan menentukan ketepatan lorong suara masing-masing
3	Asas bunyi setiap <i>maqam</i> lagu	Diperkenalkan bunyi asas setiap jenis lagu. Kombinasikan gerak suara dalam menentukan ketepatan alunan	Murid cuba ikut secara kumpulan atau individu. Murid cuba ikut setiap gerak lagu yang diberikan mengikut potongan dalam ayat.
4	Asas harakat lagu	Diperkenal asas bunyi setiap harakat lagu	Murid boleh membaca asas lagu dengan baik
5	Susunan harakat lagu	Memperkenalkan disiplin susunan harakat bagi semua jenis tarannum.	Murid dapat memastikan setiap susunan harakat lagu mengikut disiplin susunan harakat.
6	Susunan harakat gerak lagu	Memperkenalkan setiap lagu dalam secara potongan ayat.	Murid dapat mengikut setiap gerak dalam harakat dan cuba membaca satu ayat penuh mengikut susunan gerak.
7	Penerapan nilai seni	Menerapkan komponen-komponen seni dalam bacaan sama ada pada lagu dan suara.	Murid boleh membuat harakat lagu dengan pengisian elemen seni yang berkaitan.

KESIMPULAN

Ustaz Haji Che Yahaya bin Daud mengajar tarannum dengan pendekatan *talaqqi* dan *musyafahah*. Kaedah ini mudah dan berkesan untuk digunakan oleh para qari dan qariah. Ini

adalah hasil daripada pendekatan pembelajaran dan pengajaran beliau yang menggabungkan konsep belajar secara kumpulan dan individu. Hasilnya ramai qari dan qariah berjaya dan mahir dalam tarannum. Didapati gabungan konsep ini sangat berkesan. Oleh itu penyelidikan ini telah menyediakan garis panduan yang boleh digunakan oleh para qari dan qariah sebagai rujukan utama untuk memahami bacaan al-Quran secara *berlahjah* kearaban. Pengkaji seterusnya dalam bidang ini boleh menjalankan kajian yang lebih terperinci untuk meningkatkan lagi kaedah dan kaedah tarannum yang betul dan tepat mengikut konsep *talaqqi* yang sahih sebagaimana al-Quran diturunkan.

RUJUKAN

- Ahmad Shafiq Mat Razali et. All. 2015. *Implikasi Ketokohan Qari-Qari Tanah Melayu Terhadap Kewujudan Program Tarannum Di Malaysia*. E-Jurnal <https://ejournalfp.wordpress.com/jurnalpendidikan/jilid-1/>.
- Amirahman Abas, 24 april 2018, Guru di Sekolah Menengah Agama Persekutuan Labu: Kilometer 11, Jalan Labu: 71900, Labu: Negeri Sembilan, Malaysia dan Johan Qari peringkat antarabangsa 2011.
- Che Yahaya Daud. 2007. Tarannum. *Kertas Kerja Kursus Tahsin Bacaan al-Quran Peringkat Zon Tengah* 10-13 september 2007, JAKIM.
- Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEIK). 2013. *Tradisi Keunggulan Qari Dan Qariah Negeri Kelantan*.
- Jabatan Kemajuan Islam Jakim (JAKIM). 2003. *Sejarah Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa*. Cet. Pertama.
- Jabatan Kemajuan Islam Jakim (JAKIM). 2007. *Astaka Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan*. Cetakan Pertama.
- Jabatan Kemajuan Islam Jakim (JAKIM). 2007. *Biografi Qari Qariah di Malaysia*.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). 2008. *50 Tahun Tilawah al-Quran Malaysia*. Cet. Pertama.
- Mahyudin Daud, 27 April 2018. Hakim tilawah negeri Kelantan, Pensyarah di Akademi Pengajian Islam (API) Universiti Malaya, Nilam Puri 16010 Kota Bharu, Kelantan.
- Mohamad Raffe bin Ghalil Abbas, 25 april 2018, Bertugas di Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan, Jalan Dato' Hamzah Karung Berkunci No. 6 70990 Seremban Negeri Sembilan Darul Khusus.
- Mustaffa, M., Abdul Hadi, A. Z. S., Nasir, K., & Adnan, I. (2022). Seni Perpindahan Harakat Tarannum: Kajian Terhadap Metodologi Pengajaran Ustaz Che Yahaya Daud. *RABBANICA - Journal of Revealed Knowledge*, 3(1), 43 - 58. Retrieved from <https://ejournals.kias.edu.my/index.php/rabbanica/article/view/215>
- Nik Jaaafar Nik Isma'il. 1998. *Buku Qawa'id Tarannum, Cara Berlagu*. Kuala Lumpur: Darul Fikr.
- Al-Quran Al-Karim (Al-Quran Tafsir bil Hadis) (2020), Karya Bestari Sdn Bhd, Cetakan ke 10.
- Wan Hilmi Wan Abdullah. 2010. *Fann Tilawah al-Quran*. Fakulti Pengajian Islam, UKM: Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah.

- Wan Hilmi Wan Abdullah. 2012. *Ketokohan Syeikh Mustafa Isma'il dan Sumbangan Beliau dalam Dunia Tilawah al-Quran*. Prosiding Seminar Antarabangsa Ilmu Wahyu dan Turath dalam Peradaban Islam. 24 & 25 November 2012. Riau: Universiti Islam Negeri Sultan Sharif Kasim.
- Wan Hilmi Wan Abdullah. 2014. *Pengaruh Tarannum Qari-qari Mesir Terhadap Qari-qari di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yahaya Daud, Mantan Qari bagi Tilawah Peringkat Antarabangsa pada tahun 1999 di kediaman beliau di Pt 3196 Kampung Derdap, Limbat 16150 Kota Bharu Kelantan Pada 21 april 2018, masa 2.00 petang.